

Ucapan Dr Mahathir dianggap berani

PELBAGAI pihak menganggap ucapan dua pemimpin, iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Bosnia-Herzegovina, Alija Izetbegovic, sebagai berani, bernas dan patut menjadi renungan kuasa besar dunia.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd Zahir Ismail, menyifatkan ucapan itu bersemangat, penuh dengan fakta tepat dan tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak.

"Mereka menyelar tindakan negara Barat dengan berani dan jelas. Saya berharap negara Barat dapat memikirkannya dan memperbaiki keadaan di negara itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Ahli-Ahli Parlimen Mengenai Bosnia-Herzegovina, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Ahli Parlimen Pakistan, N D Khan, berkata selepas mendengar ucapan Perdana Menteri, beliau yakin Dr Mahathir akan muncul sebagai pemimpin bagi rantau ini.

"Dr Mahathir begitu berani menyuarakan pendapat mengenai langkah yang patut diambil oleh

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kenyataan Dr Mahathir mengemukakan pandangan mengenai tragedi itu amat tepat. Beliau bersikap wajar apabila meminta masyarakat dunia sedar dengan keadaan sebenar serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan," katanya.

Ahli Parlimen Eropah dari Republik Persekutuan Jerman, Doris Pack, berkata beliau bersetuju dengan semua pandangan Perdana Menteri.

"Saya setuju dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia itu. Bagaimanapun, tidak semua negara Eropah mahu membiarkan saja keadaan di Bosnia-Herzegovina. Banyak rakyat Eropah mendesak kerajaan mereka bertindak menyelesaikan masalah di Bosnia-Herzegovina," katanya.

Profesor Undang-Undang Universiti Chicago, Amerika Syarikat, Prof Francis Boyle, yang sebelum itu menggesa dunia menyaman empat negara kerana mengabaikan Bosnia-Herzegovina, juga menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai berani dan mengaguminya.

Setiausaha Agung Parti Bertindak Demokratik Bosnia-Herzegovina (SDA) di Croatia, Faris

Nanic, mengkagumi ucapan Dr Mahathir.

"Malaysia adalah antara beberapa negara yang memahami penderitaan dan perjuangan kami serta bersungguh-sungguh memperjuangkan hak asasi manusia di mana saja," katanya.

Menurutnya, kerajaan Bosnia-Herzegovina mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Perdana Menteri serta seluruh rakyat Malaysia kerana membantu negara itu.

"Saya amat berpuas hati dengan bantuan material dan diplomatik yang disalurkan oleh negara ini.

"Saya harap lebih banyak negara Islam memberi bantuan yang sama bukan saja di segi kebendaan, malah bantuan dan kerjasama politik," katanya.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Dr Mohd Nur Manuty, berkata ucapan Presiden Bosnia-Herzegovina itu wajar diucapkan oleh ke-

tua negara yang kecewa dengan layanan masyarakat antarabangsa menangani isu perbalahan di negaranya.

Menurutnya, ucapan itu perlu diambil perhatian oleh masyarakat antarabangsa dalam usaha mengembalikan semula negara dan maruah masyarakat Bosnia-Herzegovina.

Penderitaan rakyat Bosnia-Herzegovina sejak tiga tahun lalu setakat ini membuka mata dunia terhadap mereka.